

Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sukan di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi membantu para atlet meraih juara pada peringkat antarabangsa.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Malaysia Mampu Julang Piala Dunia



* Penghargaan yang diberikan kepada atlet mampu merealisasikan harapan untuk menjulang trofi itu.

Sumber: Berita Harian



Kita Juara

Tiada kami takut berdiri di pentas dunia
Tiada kami gentar terbang di angkasa raya
Demi satu cita-cita harumkan namamu Malaysia
Kami tawan kami lawan juang hingga ke akhirnya

Janji kami kota demi memburu juara
Dengar satu nama yang tersemat di dada
Menang tiada kalah kerana kami juara
Hati waja hati wira kami tidak kalah

Kita semua sama juara kita berjuang habis-habisan
Walau keringat mengalir darah
Kami genggam tidak akan kami lepaskan


Kita tewas di medan juang
Kekalahan bukan kelemahan kami jadikan bekalan
Untuk dinyalakan jadi api yang tidak padam

Marilah kita semua menjulangkan tangan bersama
Sejarah kita satu kemenangan jadi kebanggaan

Kita semua menjadi juara
Oh, alam maya kami juara tertulis di buku dunia
Satu nama satu bendera Malaysia kini jadi juara
Dipentas dunia menjadi juara aku, engkau, kita, juara

Oh, dunia kami kini jadi juara kita semua menjadi juara
Kita juara, kita juara, kita juara, kita juara
Kita juara, kita semua juara Malaysia kita juara

Komposer/Penulis Lirik: Yohana



DOMAIN PERIBADI

Sambutan Hari Guru Sedunia 2020 telah berjaya dianjurkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) dengan temanya "Guru Memimpin Waktu Krisis, Merubah Masa Depan" pada 4 hingga 6 Oktober 2020 di Hotel AC, Kuala Lumpur. Pelbagai program diadakan seperti majlis pelancaran buku, majlis penghargaan, dan majlis Jasamu Dikenang. Sambutan ini berlangsung dalam suasana yang meriah.

Sumber: *Buletin Guru Malaysia*, November 2020

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan sambutan Hari Guru. Pelbagai cara dilakukan bagi mengenang jasa dan pengorbanan para guru.

Sebagai seorang murid, apakah yang boleh anda lakukan untuk meraikan dan mengenang jasa serta pengorbanan para guru?

